

# SOLAT JAMAK TAMAM

**DALAM MENGHADAPI  
KONFLIK JADUAL DAN  
WAKTU SOLAT SINGKAT**

**Hak Cipta © 2024 oleh Maktabah al-Bakri.  
Semua Hak Cipta Dilindungi.**

eBook ini adalah hasil karya:

**Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri**

Dengan sokongan penuh daripada pasukan penyelidik:

- Tengku Ibrahim Helmi bin Tengku Mohammad
- Syahirul Idzhar bin Sham Suri
- Muhammad Hariz Hazmi bin Abdul Hamid
- Muhammad Dawud Al-Hawariy bin Hamizan
- Muhammad Hasanain bin Zulkifli
- Abdul Rahman bin Abd Kodir

### **Hak cipta terpelihara.**

Dilarang memperbanyak, menyebarkan, memindahkan, atau menerbitkan semula, dalam mana-mana bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau lain-lain, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit, kecuali bagi tujuan rujukan ilmiah, ulasan, atau kritikan yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

eBook ini diterbitkan oleh:

**MAKTABAH AL-BAKRI SDN BHD**

Lot 15211, Kampung Kubang, Jalan Salak - Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

HOTLINE: +60 19-321 7699

Laman Portal: <https://maktabahalbakri.com/>

Reka bentuk grafik oleh:

**Yuzairy bin Mohd Ayub**

### **Versi Pertama | Edisi Digital**

Hak cipta ini dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)

Malaysia dan perundangan hak cipta antarabangsa.

# ISI KANDUNGAN

<b>Mukadimah</b> .....	4
<b>Pensyariatan Solat Jamak</b> .....	7
Definisi Solat Jamak .....	7
Pensyariatan Solat Jamak .....	8
Jenis Jamak .....	12
Solat yang Boleh Dijamakkan .....	12
Syarat-syarat Jamak Taqdim .....	13
Syarat-syarat Jamak Ta'khir .....	15
<b>Jamak Solat Sebagai Rukhsah</b> .....	16
Keutamaan Antara Jamak Taqdim dan Jamak Ta'khir .....	32
<b>Penutup</b> .....	34
<b>Bibliografi</b> .....	38

# MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, isteri dan ahli keluarga Baginda, para sahabat Baginda serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah Baginda sehingga Hari Kiamat.

Pada akhir November 2024, telah datang kepada kami soalan daripada pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Jepun menceritakan perihal jadual pembelajaran termasuk pada hari Jumaat dan waktu yang menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan ibadat solat. Justeru, terdapat beberapa pertanyaan dikemukakan kepada kami untuk kemudahan mereka dalam melaksanakan urusan agama terutamanya dalam ibadat solat.

Ini merupakan kemelut dan polemik yang berlaku di negara matahari terbit berkenaan, dengan sistem penjadualan di sebahagian universiti mereka. Justeru, timbul persoalan mengenai isu solat dalam situasi kelas bertindih dengan waktu solat khususnya apabila waktu solat adalah singkat. Maka jamak tamam difikirkan sebagai salah satu alternatif yang mungkin dapat menyelesaikan konflik

waktu ini. Memahami situasi setempat dan kesukaran yang dihadapi bagi merealisasikan pelaksanaan ibadah solat dengan sempurna, maka amat penting untuk digambarkan dengan baik keadaan mereka agar natijah terbaik dapat diputuskan. Hal ini penting bertepatan dengan kaedah:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرَعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ

*Maksudnya: "Asas dalam memberi hukum ke atas sesuatu, cabangnya adalah terlebih dahulu mesti mempunyai gambaran (menyeluruh)."*

Ini merupakan antara kaedah yang masyhur dan amat mulia dalam kalangan ulama yang merentasi mazhab. Al-Jurjani berkata: "*Tasawwur* merupakan menghasilkan gambaran sesuatu pada akal dengan tepat. Bukanlah maksud dengan *tasawwur* dalam kaedah ini semata-mata gambaran pada *zihin* pada akal dari sesuatu." (Lihat *al-Ta'rifat*, hlm. 59)

Abu al-Baqa' al-Kafawi berkata: "Kadangkala *tasawwur* dengan maksud ilmu atau pengetahuan. Dan ia bukanlah berdasarkan kepada *tasawwur* yang dusta. Justeru, *tasawwur* yang dimaksudkan dalam kaedah ini ialah *tasawwur* yang penuh dengan ilmu yang mendalam tentang sesuatu perkara. Hal ini kerana *tasawwur* tersebut adalah *dhabit* pada *zihin* dan fikir yang selamat daripada kesilapan." (Lihat *al-Kulliyat*, hlm. 290)

Imam al-Ghazali turut menekankan peri pentingnya bagi seorang ilmuwan itu untuk memahami hakikat sebenar perkara yang dibahaskan sebelum itu layak untuk mengkritik atau menerimanya. Beliau menegaskan seseorang yang mengkritik sesuatu perkara tanpa terlebih dahulu memahaminya dengan mendalam adalah ibarat orang yang memanah dengan mata yang tertutup. (Lihat *al-Munqiz min al-Dhalal*, hlm. 578)

Begitu juga kaedah yang perlu diambil kira dengan meraikan kepelbagaian mazhab dan pendapat. Ini kerana dapatan kami ketika bermusafir ke Jepun, kami dapati ramai umat Islam yang datang dari pelbagai latar belakang termasuk Pakistan, India, Bangladesh, Mesir dan sebahagian daripada Afrika, begitu juga dari kalangan masyarakat Indonesia, Singapura dan rantau Asia Tenggara. Justeru, penulisan ini tidak hanya berlegar dalam ruang lingkup mazhab di negara kita Malaysia semata-mata, bagi tujuan meraikan kepelbagaian situasi yang dihadapi dan memutuskan satu pandangan hukum yang masih dalam daerah empat imam-imam mazhab yang mu'tabar.

# PENSYARIATAN SOLAT JAMAK

Dalam memulakan setiap perbahasan itu, perkara yang paling utama adalah memahami hakikatnya terlebih dahulu. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Abu al-'Irfan Muhammad bin 'Ali al-Sabban dalam syair beliau:

..... الْحَدُّ                      إِنَّ مَبَادِيَّ كُلِّ فَنٍّ عَشْرَةٌ

*“Sesungguhnya prinsip-prinsip setiap bidang seni atau ilmu itu ada sepuluh, (pertamanya) definisi.....”*

Maka, alangkah baiknya jika perbahasan jamak ini kami mulakan dengan memahami definisi dan hakikatnya agar perbincangan selanjutnya akan menjadi lebih jelas.

## Definisi Solat Jamak

Menjamakkan antara dua solat bermaksud menghimpunkan waktu solat yang pertama dengan waktu solat yang kedua, di mana kedua-dua solat dilaksanakan dalam satu waktu. Ini bertujuan untuk memudahkan musafir agar mereka mempunyai lebih banyak masa untuk

perjalanan dan tidak terganggu dengan waktu setiap solat.

Penggabungan ini adalah salah satu *rukhsah syar'iyah* (kemudahan syariah) yang telah disyariatkan oleh Allah ta'ala untuk musafir secara berterusan, dan bagi mereka yang bermukim ketika turunnya hujan. Oleh itu, sesiapa yang diberi rukhsah untuk qasar solat, maka dia juga diberi rukhsah untuk menjamakkan solat. (Lihat *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, 1/476).

## **Pensyariatan Solat Jamak**

Terdapat banyak hadith sahih yang menunjukkan kepada pensyariatan solat jamak antara dua solat ini iaitu menjamakkan antara solat Zohor dan Asar atau antara solat Maghrib dan Isyak, sama ada jamak taqdim atau jamak ta'khir.

Di antaranya hadith yang disepakati kesahihannya, daripada riwayat Anas bin Malik R.A, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ  
الشَّمْسُ أَحْرَرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ، ثُمَّ يَجْمَعُ بَيْنَهُمَا، فَإِذَا  
زَاغَتْ صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَكَبَ



**Maksudnya:** “Rasulullah SAW apabila bertolak sebelum matahari tergelincir, maka Baginda melewati solat Zohor sehingga waktu Asar, kemudian Baginda menjamakkan antara keduanya. Sekiranya matahari telah tergelincir, Baginda mengerjakan solat Zohor, kemudian baru Baginda bertolak.”

Riwayat al-Bukhari (1111)

Dalam riwayat Muslim, riwayat Anas bin Malik R.A ini datang dengan lafaz:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَجْمَعَ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ فِي السَّفَرِ أَحْرَزَ الظُّهْرَ حَتَّى يَدْخُلَ أَوَّلَ وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَجْمَعُ بَيْنَهُمَا

**Maksudnya:** “Apabila Rasulullah SAW berniat untuk menjamakkan dua solat dalam perjalanan, beliau menangguhkan solat Zohor hingga ke waktu Asar, dan kemudian menjamakkan kedua-duanya.”

Riwayat Muslim (704)

Begitu juga hadith daripada Mu‘az bin Jabal R.A:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ

أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ أُخَّرَ الظُّهْرَ حَتَّى يَجْمَعَهَا إِلَى الْعَصْرِ فَيُصَلِّيهِمَا  
 جَمِيعًا وَإِذَا ارْتَحَلَ بَعْدَ زَيْغِ الشَّمْسِ صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا  
 ثُمَّ سَارَ وَكَانَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ الْمَغْرِبِ أُخِّرَ الْمَغْرِبَ حَتَّى يُصَلِّيَهَا  
 مَعَ الْعِشَاءِ وَإِذَا ارْتَحَلَ بَعْدَ الْمَغْرِبِ عَجَّلَ الْعِشَاءَ فَصَلَّاهَا مَعَ  
 الْمَغْرِبِ

**Maksudnya:** “Ketika Nabi SAW di peperangan Tabuk, apabila Baginda berangkat pergi sebelum matahari meninggi, Baginda melambatkan solat Zohor hingga menghimpunkannya ke solat Asar lalu Baginda menunaikan kedua-duanya sekali. Dan sebelum meneruskan perjalanan selepas matahari gelincir, Baginda mendirikan solat Zohor dan Asar secara jamak. Kemudian barulah Baginda bertolak pergi. Begitu juga apabila berangkat sebelum waktu Maghrib, Baginda melambatkan solat Maghrib hingga dilakukannya bersama-sama solat Isyak, dan sebelum meneruskan perjalanan selepas waktu Maghrib, Baginda menyegerakan solat Isyak bersama-sama solat Maghrib (secara jamak).”

Riwayat Abu Dawud (1220), al-Tirmizi (553)  
 dan Ahmad (22094)

Ini adalah di antara dalil-dalil yang menunjukkan keharusan untuk jamak taqdim dan jamak ta'khir dalam

permusafiran.

Adapun menjamakkan solat bagi orang yang bermukim kerana hujan atau sebab lain, terdapat hadith yang disepakati kesahihannya, daripada Ibn ‘Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا: الظُّهْرَ  
وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ، فَقَالَ أَيُّوبُ: لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٍ؟ قَالَ:  
عَسَى

**Maksudnya:** “Nabi SAW pernah menunaikan solat tujuh dan lapan rakaat di Madinah; iaitu Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Lalu Ayyub berkata: ‘Boleh jadi itu dilakukan ketika hujan lebat pada waktu malam?’ Beliau menjawab: ‘Boleh jadi.’”

Riwayat al-Bukhari (543)

Selain itu, dalam riwayat yang lain, ia datang dengan lafaz:

جمع رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، وَبَيْنَ  
الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ، مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ، قَالَ: فَقِيلَ  
لِابْنِ عَبَّاسٍ: مَا أَرَادَ بِذَلِكَ؟ قَالَ: أَرَادَ أَنْ لَا يُجْرَحَ أُمَّتُهُ

**Maksudnya:** *“Rasulullah SAW telah menjamakkan (menghimpunkan) solat Zohor dan Asar, serta Maghrib dan Isyak di Madinah, bukan kerana takut mahupun hujan. Ibn Abbas R.Anhuma ditanya: ‘Apa tujuan Baginda melakukan perkara itu?’ Beliau menjawab: ‘Baginda ingin agar umatnya tidak menghadapi kesukaran.’”*

Riwayat Muslim (705); Abu Dawud (1211); al-Nasa’i (602); Ahmad (2557); al-Tirmizi (187) dan lafaz hadith daripada Imam al-Tirmizi.

## **Jenis Jamak**

Sebagaimana yang diketahui, jamak terbahagi kepada dua, iaitu jamak taqdim dan jamak ta’khir. Jamak taqdim bermaksud membawa solat yang kedua untuk ditunaikan di dalam waktu solat yang pertama, manakala jamak ta’khir pula bermaksud membawa solat yang pertama untuk ditunaikan di dalam waktu solat yang kedua. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/188). Hal ini adalah berdasarkan kepada hadith-hadith yang kami sudah sebutkan sebelum ini.

## **Solat yang Boleh Dijamakkan**

Sebagaimana yang diketahui, tidak semua solat boleh

untuk dijamakkan. Solat yang boleh dijamakkan ialah solat Zohor dengan solat Asar dan begitu juga solat Maghrib dengan solat Isyak. Oleh itu, tidak boleh dan tidak sah untuk menjamakkan solat Subuh dengan solat sebelum atau selepasnya. Begitu juga tidak sah untuk menjamakkan solat Asar dengan solat Maghrib. Ini kerana setiap jamak taqdim dan jamak ta'khir mempunyai beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

### **Syarat-syarat Jamak Taqdim**

Antaranya:

- Kedua-dua solat dilakukan mengikut urutannya iaitu dimulai dengan solat pertama yang empunya waktu kemudian barulah diikuti solat yang kedua.
- Berniat menjamakkan solat yang kedua dengan yang pertama sebelum selesai solat yang pertama. Walau bagaimanapun niat tersebut sunat disertakan bersama takbiratul ihram.
- Kedua-dua solat dilakukan secara berturutan, iaitu memulakan solat yang kedua dengan segera sebaik sahaja selesai salam solat yang pertama tanpa

dipisahkan dengan berzikir, mengerjakan solat sunat dan sebagainya. Jika dipisahkan di antara kedua-duanya dengan masa yang lama pada anggapan umum atau melengah-lengahkan solat yang kedua tanpa sebab, batallah jamak tersebut dan solat yang kedua itu wajib ditangguhkan sehingga waktunya tiba.

Hal ini adalah kerana mengikut perbuatan Nabi SAW dalam semua perkara tersebut sebagaimana hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَعْجَلَهُ السَّيْرُ يُؤَخِّرُ  
الْمَغْرِبَ، فَيُصَلِّيْهَا ثَلَاثًا ثُمَّ يُسَلِّمُ، ثُمَّ قَلَّمَا يَلْبُثُ حَتَّى يُقِيمَ  
الْعِشَاءَ فَيُصَلِّيْهَا رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ يُسَلِّمُ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW melambatkan solat Maghrib apabila Baginda hendak segera berjalan. Kemudian Baginda menunaikannya sebanyak 3 rakaat. Selepas salam Baginda duduk sekejap lalu mendirikan solat Isyak sebanyak 2 rakaat. Kemudian Baginda memberi salam.”

Riwayat al-Bukhari (1041)

- Masih dalam musafir sehingga memulakan solat yang

kedua. Oleh itu tidak menjadi masalah sekiranya sampai semula ke tempat asalnya ketika solat yang kedua masih belum selesai. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/188-189).

## **Syarat-syarat Jamak Ta'khir**

Antaranya:

- Berniat menjamakkan solat yang pertama dalam waktunya yang asal kepada solat yang kedua. Sekiranya tamat waktu Zohor tanpa berniat menjamakkan solat Zohor kepada Asar maka solat Zohor wajib diqadha' serta berdosa oleh sebab melengah-lengahkannya.
- Perjalanan mestilah berterusan sehingga selesai mengerjakan kedua-dua solat tersebut secara keseluruhan. Jika dia telah sampai (bermukim/ bermastautin) sebelum selesai sepenuhnya kedua-dua solat itu, maka solat yang ditangguhkan menjadi solat qadha'.
- Tidak disyaratkan tertib antara kedua-dua solat dalam kes ini. Seseorang boleh memulakan dengan mana-mana solat yang dikehendaki. Begitu juga syarat berturutan antara dua solat hanya sunat dan bukannya syarat sah jamak tersebut. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/189).

# JAMAK SOLAT SEBAGAI RUKHSAH

Hukum syara' itu dapat dibahagikan kepada dua; *al-'azimah* (العَزِيمَةُ) yang merupakan asal sesuatu sesuatu hukum itu, dan *al-rukhsah* (الرُّخْصَةُ) pula merujuk kepada keringanan pada hukum asal tersebut. Prinsip asas dalam semua hukum adalah berdasarkan *al-'azimah* atau hukum asal, dan ia tidak akan berubah menjadi *al-rukhsah* atau keringanan melainkan dengan sebab-sebab tertentu, antaranya:

- Keperluan mendesak (الضَّرُورَةُ), seperti dalam membolehkan perkara yang dilarang.
- Adanya keuzuran yang menyebabkan kelonggaran untuk meninggalkan kewajiban.
- Mengangkat kesulitan (رَفْعُ الْحَرَجِ) kepada masyarakat, seperti dalam beberapa kontrak muamalat.

Oleh itu, *al-'azimah* akan kekal pada hukum asalnya apabila tidak ada sebarang sebab-sebab dari syara' yang mengharuskan perubahan hukum tersebut, manakala *al-rukhsah* bergantung pada wujudnya sebab-sebab itu. (Lihat



*al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islami*, 1/430)

Memahami konsep *al-‘azimah* dan *al-rukhsah* ini, maka usaha untuk memahami perbahasan jamak solat ini akan menjadi lebih mudah bagi masyarakat. Hukum asal penunaian solat itu mestilah berdasarkan *al-‘azimah* yang telah ditetapkan, iaitu pada waktunya. Ini jelas berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*”

(Surah al-Nisa’: 103)

Kemudian, Islam datang dengan membawakan *al-rukhsah* yang membenarkan suatu solat itu diawalkan (*jamak taqdim*) atau diakhirkan (*jamak ta’khir*) dalam beberapa keadaan tertentu. Antaranya, Allah SWT memberikan keharusan jamak di antara dua waktu solat dalam keadaan-keadaan yang tertentu seperti musafir, hujan, sakit dan seumpamanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

**Maksudnya:** “Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”

(Surah al-Hajj: 78)

Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa harus hukumnya menjamakkan di antara solat Zohor dengan Asar pada waktu yang dia suka, begitu juga solat Maghrib dengan solat Isyak menurut mazhab al-Syafi'i, dan ini juga berdasarkan persepakatan ulama'. (Lihat *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4/249)

Pada asasnya, harus menjamakkan di antara dua solat menurut mazhab al-Syafi'i atas keuzuran-keuzuran tersebut:

- Musafir
- Hujan
- Ketika Hari Arafah. (Lihat *Minhaj al-Talibin*, 1/ 417-423)

Inilah pandangan yang muktamad di dalam mazhab al-Syafi'i berkenaan sebab-sebab yang membolehkan untuk menjamakkan solat. Namun begitu, sebahagian daripada

ulama' bermazhab al-Syafi'i dan sebahagian fuqaha' mengharuskan jamak antara dua waktu solat selain dari sebab-sebab yang disebutkan, bagi tujuan mengangkat kesulitan yang dihadapi masyarakat.

Ini dinyatakan dalam hadith daripada Ibn 'Abbas R.Anhuma, katanya :

جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، وَبَيْنَ  
الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ، قَالَ: فَقِيلَ  
لِابْنِ عَبَّاسٍ: مَا أَرَادَ بِذَلِكَ؟ قَالَ: أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أُمَّتَهُ

**Maksudnya:** “Rasulullah SAW menjamakkan di antara solat Zohor dengan Asar dan di antara solat Maghrib dengan Isyak di Madinah bukan kerana takut dan bukan kerana hujan. Lalu ditanya kepada Ibn Abbas: ‘Apa tujuan Baginda berbuat demikian?’ Ibn ‘Abbas menjawab: ‘Baginda tidak ingin menyusahkan umatnya.’”

Riwayat al-Tirmizi (187) dan al-Nasa'i (1574)

Al-Mubarakfuri menyatakan bahawa sesiapa yang ada keuzuran, maka diharuskan untuk dia menjamakkan solat. Manakala bagi mereka yang ada keuzuran akan tetapi tidak mahu menjamakkan solat, sehingga dia meninggalkan solat,

maka dia berdosa tanpa syak lagi.

Syeikh al-Islam Taiyuddin Ibn Taymiyyah pula berkata, sebab dibolehkan jamak solat apabila terdapat keperluan atau keuzuran. Sekiranya seseorang itu perlu untuk melakukan jamak, maka dia boleh menjamakkan solat ketika musafir yang singkat atau panjang, begitu juga dibolehkan jamak ketika hujan dan seumpamanya, seperti sakit dan lain-lain dengan sebab yang tertentu. Tujuan dibenarkan jamak ini adalah untuk mengangkat kesukaran daripada umat ini. (Lihat *Tuhfah al-Ahwazi*, 2/205; *Majmu' al-Fatawa*, 22/293).

Terdapat juga riwayat lain, sebagaimana yang disebut oleh Ibn 'Abbas R.Anhuma, katanya:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا  
بِالْمَدِينَةِ، فِي غَيْرِ خَوْفٍ، وَلَا سَفَرٍ. قَالَ أَبُو الزُّبَيْرِ: فَسَأَلْتُ  
سَعِيدًا، لِمَ فَعَلَ ذَلِكَ؟ فَقَالَ: سَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ كَمَا سَأَلْتَنِي،  
فَقَالَ: أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أَحَدًا مِنْ أُمَّتِهِ

**Maksudnya:** “Rasulullah SAW telah menunaikan solat Zohor dan Asar secara jamak di Madinah dalam keadaan tiada ketakutan dan tidak bermusafir. Abu al-Zubair berkata: Aku telah bertanya Sa'id: 'Mengapa dilakukan sebegitu?' Maka Sa'id menjawab:

*Aku telah bertanya Ibn 'Abbas soalan seperti yang kamu tanyakan, maka Ibn 'Abbas menjawab: 'Baginda menghendaki untuk tidak menyusahkan seorang pun dari ummatnya.'"*

Riwayat Muslim (705)

Disebutkan juga bahawa Rasulullah SAW menjamakkan antara Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak di Madinah bukan dalam keadaan takut atau hujan. Ini berdasarkan riwayat daripada Abdullah bin 'Abbas R.Anhuma, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا: الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ، فَقَالَ أَيُّوبُ: لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٍ، قَالَ:

عَسَى

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah solat di Madinah 7 rakaat dan 8 rakaat (iaitu) Zohor dan Asar (8 rakaat), Maghrib dan Isyak (7 rakaat). Maka telah berkata Ayyub al-Sakhtiani: Boleh jadi ia pada malam yang hujan dan berkemungkinan boleh jadi."

Riwayat al-Bukhari (543)

Hadith yang dinukilkan di atas menjadi asal atau hujjah

bolehnya menjamakkan solat bagi orang yang bermukim. Ia diambil dari zahir hadith dengan mengatakan bolehnya menjamakkan solat sekiranya ada hajat keperluan, tetapi dengan syarat ia tidak dilakukan secara berterusan. Ini merupakan pendapat Ibn Sirin, Rabi'ah, Asyhab, Ibn al-Munzir, al-Qaffal al-Kabir dan dihiykatkan oleh al-Khattabi daripada jamaah daripada ashab al-Hadith. Pandangan mereka ini dikuatkan lagi dengan zahir kalam Ibn 'Abbas R.A pada hujung hadith: "Baginda menghendaki untuk tidak menyusahkan seorang pun dari ummatnya," tanpa beliau menetapkan 'illah jamak tersebut atas sebab sakit atau selainnya. (Lihat *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, 5/219)

Sebahagian ulama' hadith mengatakan bahawa ini adalah jamak *al-suri* (جَمْعُ الصُّورِي) (perlakuan solat tersebut nampak seakan-akan jamak), akan tetapi pendapat ini tertolak dengan ucapan perawinya sendiri iaitu: "Rasulullah SAW menghendaki untuk tidak menyusahkan seorang pun dari ummatnya."

Dalam memahami hadith ini, tidak seharusnya diandaikan sebarang sebab lain selain dari apa yang telah zahir dikatakan oleh perawi itu sendiri, sedangkan kaedah telah menyebut:

أَنَّ الرَّأْيَ أَدْرَى بِمَرْوِيهِ

**Maksudnya:** “Seorang perawi itu lebih tahu akan apa yang diriwayatkannya.”

Di dalam riwayat al-Bukhari, Ayyub al-Sakhtiyani mengatakan bahawa, boleh jadi peristiwa ini berlaku pada malam yang hujan dan ianya berkemungkinan seperti itu. Al-Hafiz Ibn Hajar mengatakan, andaian hujan ini juga merupakan pendapat Imam Malik sesudah beliau meriwayatkan hadith ini di dalam al-Muwatta’<sup>1</sup>. Ibn Hajar al-‘Asqalani mengkritik pendapat tersebut seraya berkata, hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dan ashab al-Sunan daripada jalur Habib bin Abi Thabit daripada Sa’id bin Jubair dengan lafaz: “tanpa ada rasa takut dan bukan kerana hujan”. Maka ternafilah solat jamak yang disebutkan itu dilakukan kerana ketakutan, musafir atau hujan.

Sebahagian ulama’ pula mengatakan boleh dijamakkan kerana sakit dan pendapat ini dikuatkan oleh Imam al-Nawawi namun ia perlu kepada penelitian semula. Hal ini kerana, sekiranya Baginda menjamakkan di antara dua solat disebabkan oleh kesakitan, nescaya tidak akan solat bersama Baginda melainkan mereka yang mempunyai keuzuran yang sama. Zahirnya, Baginda menjamakkan solat bersama dengan sahabatnya dan perkara itu telah dijelaskan oleh Ibn ‘Abbas R.Anhuma di dalam riwayatnya. (Lihat **Fath al-Bari**, 2/33)

---

1. Lihat **al-Muwatta’**, Kitab *Qasr al-Solah fi al-Safar*, hadith no. 480.

Mantan mufti kerajaan Arab Saudi, Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abdullah Ibn Baz menyatakan ketika memberikan komentar kepada **Fath al-Bari**, hukum yang tepat mengenai hadith yang disebutkan adalah Rasulullah SAW menjamakkan solat-solat tersebut atas dasar kesulitan yang dihadapi pada hari itu, mungkin kerana penyakit yang dihidapinya, cuaca yang teramat sejuk, atau hal-hal lain yang serupa. Ini dikuatkan oleh kenyataan Ibn 'Abbas ketika ditanya tentang sebab dijamakkan solat ini, lalu beliau menjawab: "Rasulullah SAW tidak mahu menyusahkan umatnya," dan ini merupakan jawapan yang bagus, tepat lagi jelas. (Lihat **Fath al-Bari**, 2/24)

Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa terdapat golongan yang mentakwil keadaan itu berlaku pada keadaan awan mendung, kemudian Baginda solat Zohor dan selepas itu awan mendung hilang dan Baginda mendapati telah masuk waktu Asar, maka Baginda pun menunaikan solat Asar. Kemudian Imam al-Nawawi mengkritik pandangan ini dan menyatakan kebatilannya; kerana sekalipun terdapat serendah-rendah andaian pada waktu Zohor dan Asar, akan tetapi tidak ada andaian padanya waktu Isyak dan juga waktu Maghrib.

Dalam mazhab al-Syafi'i, pendapat yang masyhur lagi muktamad bahawa jamak hanya pada safar yang jauh, ketika hujan dan ketika Hari Arafah. Adapun bagi orang yang sakit maka tidak boleh menjamakkan solat. Hal ini kerana faktor



sakit adalah suatu yang tidak pasti sedangkan penetapan waktu solat adalah suatu yang thabit berdasarkan nas. Namun begitu Imam al-Nawawi dan beberapa ulama Syafi'iyah yang lain seperti al-Qadhi Husain, Ibn Suraij, al-Ruyani, al-Mawardi, al-Darimi, dan al-Mutawalli menyokong pendapat yang membenarkannya. (Lihat *al-Taqrirat al-Sadidah*, hlm. 322)

Para ulama ini menyokong pendapat daripada mazhab Imam Ahmad bin Hanbal yang membenarkan jamak sekiranya terdapat keuzuran atau *masyaqqah* (kesukaran). Disebutkan oleh Imam al-Nawawi bahawa Imam al-Rafi'i pernah menukulkan pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad berkenaan keharusan untuk jamak solat disebabkan uzur sakit dan berlumpur. Ini juga dipegang oleh sebahagian ulama al-Syafi'iyah seperti Abu Sulaiman al-Khattabi dan al-Qadhi Husain, dan pendapat ini juga dianggap baik oleh al-Ruyani dalam kitab *al-Hilyah*. Imam al-Nawawi berkata, pendapat ini sangat kuat dan dalilnya adalah lafaz hadith Ibn 'Abbas R.Anhuma yang berkata: '*Rasulullah SAW menjamakkan solat di Madinah tanpa sebab ketakutan dan tanpa hujan.*' Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim sebagaimana telah disebutkan sebelum ini. Wajah istidlal (cara pengambilan hukum) dari hadith ini ialah: Jamak ini sama ada disebabkan oleh penyakit atau sebab lain yang serupa atau lebih ringan daripadanya. Ini kerana keperluan orang yang sakit dan takut lebih besar daripada keperluan

mereka yang terkena hujan.

Ibnal-Munzir al-Syafi'i berkata, dibolehkan menjamakkan solat di tempat bermukim tanpa sebab ketakutan, hujan, atau sakit. Al-Khattabi menyebut perkara ini dalam *Ma'alim al-Sunan* daripada al-Qaffal al-Kabir al-Syashi, daripada Abu Ishaq al-Marwazi. Al-Khattabi berkata: "Ini juga merupakan pendapat sekumpulan ulama hadith berdasarkan zahir hadith Ibn 'Abbas R.Anhuma." (Lihat *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4/383-384; 5/218)

Antara badan berautoriti fatwa yang memilih pendapat keharusan mendirikan solat jamak ketika terdapat hajat adalah *Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, sepertimana yang dijelaskan oleh Syeikh Dr. Syauqi Ibrahim 'Allam. Menurut beliau, boleh untuk kita mengambil pandangan fuqaha' lain dari kalangan al-Malikiyyah, al-Hanabilah dan sebahagian al-Syafi'iyyah yang mengharuskan jamak solat bagi orang yang bermukim ketika adanya keperluan, tetapi ia mesti diikat dengan satu syarat; tidak menjadikannya sebagai adat kebiasaan.<sup>2</sup>

Situasi yang hampir sama seperti diajukan oleh para pelajar dari Jepun ini pernah ditanya kepada Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin. Diceritakan bahawa beliau pernah ditanya, jika seorang pelajar perempuan

---

2. Lihat <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/17293/بداية-جمع-الصلاة-وقصرها-للمسافر-والجمع-في-الحضر-للحاجة>. Diakses pada 27 November 2024.

memasuki kelas ketika waktu Zohor masuk, dan kelas tersebut berterusan selama dua jam, maka apa yang perlu dia lakukan?

Syeikh menjawab dengan menyatakan bahawa dua jam tersebut tidak menyebabkan waktu Zohor terluput, kerana waktu Zohor berlanjutan dari tergelincirnya matahari hingga masuknya waktu Asar. Tempoh ini lebih panjang dari dua jam, maka adalah memungkinkan untuknya melaksanakan solat Zohor setelah kelas tamat, kerana masih ada waktu yang mencukupi. Ini sekiranya dia tidak dapat melaksanakan solat semasa waktu kelas. Namun, jika ada kemudahan untuk menunaikan solat ketika berada di dalam kelas, maka hal itu adalah lebih berhati-hati.

Namun jika berlaku situasi di mana kelas tidak selesai sehingga waktu Asar masuk, dan pelajar tersebut menghadapi kesukaran atau mudarat untuk meninggalkan kelas, maka dalam keadaan ini, dibenarkan baginya untuk menjamakkan (menggabungkan) solat Zohor dan Asar, iaitu menta'khirkan solat Zohor sehingga waktu Asar. Hal ini berdasarkan hadith Ibn 'Abbas R.Anhuma yang menyebutkan: *"Nabi SAW di Madinah pernah menjamakkan solat Zohor dan Asar, serta Maghrib dan Isyak, tanpa adanya rasa takut atau hujan."* Lalu ditanya kepada Ibn 'Abbas tentang perkara ini dan beliau menjawab: *"Baginda SAW ingin agar umatnya tidak berada dalam kesukaran."*

Perkataan Ibn 'Abbas R.Annuma ini menunjukkan bahawa sesuatu yang mendatangkan kesukaran dan kepayahan kepada seseorang membolehkan baginya untuk menjamakkan dua solat yang boleh digabungkan dalam waktu salah satunya. Ini adalah sebahagian daripada kemudahan yang Allah 'Azza wa Jalla berikan kepada umat ini dalam agama-Nya. Asas kepada keringanan ini adalah firman Allah SWT:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

**Maksudnya:** *“(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.”<sup>3</sup>*

(Surah al-Baqarah: 185)

---

3. Menurut Syeikh al-Sa'di, ayat ini bermaksud Allah menghendaki hal yang memudahkan bagi kamu jalan yang membawa kamu kepada keredhaan-Nya dengan kemudahan yang paling mudah dan meringankannya dengan keringanan yang paling ringan. Oleh kerana itu, segala perkara yang diperintahkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya pada dasarnya adalah sangat mudah sekali, namun apabila terjadi suatu halangan yang menimbulkan kesulitan, maka Allah SWT akan memudahkannya dengan kemudahan lain iaitu dengan menggugurkannya atau mengurangnya dengan segala bentuk keringanan. Namun, hal ini adalah sesuatu yang tidak mungkin dapat dibahaskan perinciannya, kerana perinciannya adalah keseluruhan syariat dan termasuk di dalamnya segala bentuk rukhsah dan keringanan. (Lihat *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 1/86).

Begitu juga firman Allah SWT:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ

**Maksudnya:** “Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan).”<sup>4</sup>

(Surah al-Ma’idah: 6)

Begitu juga firman-Nya:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

**Maksudnya:** “Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”<sup>5</sup>

---

4. Ayat ini juga bermaksud Allah SWT tidak ingin menyusahkan kamu dalam ketentuan hukum-hakam-Nya dengan mewajibkan kamu tetap bersuci dengan menggunakan air sedangkan ia membahayakan kamu. Oleh itu, Dia menetapkan syariat baru sebagai penggantinya ketika ada kesulitan dalam menggunakan air kerana sakit atau tidak ada air. Hal itu dalam rangka menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur atas nikmat yang telah Allah berikan kepada kamu, dan tidak mengingkarinya. (Lihat *al-Mukhtasar fi al-Tafsir*, hlm. 108)

5. Al-Sabuni menyebutkan, maknanya adalah Allah SWT tidak jadikan hamba-Nya pada agama ini sebarang bentuk kesempitan dan masyaqqah.

(Surah al-Hajj: 78)

Begitu juga hadith Nabi SAW, daripada Abu Hurairah di mana Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya agama itu mudah.”<sup>6</sup>

---

Dia juga tidak sekali-kali mentaklifkan mereka dengan apa yang mereka tidak mampu, bahkan sebaliknya ia adalah agama yang penuh dengan tolak ansur. (Lihat *Safwah al-Tafasir*, 2/275)

6. Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani menyebutkan, maksudnya adalah agama Islam bersifat mudah, atau dinamakan agama sebagai mudah secara mubalaghah (hiperbola) jika dibandingkan dengan agama-agama sebelumnya. Ini kerana Allah SWT telah menghapuskan beban berat yang dikenakan ke atas umat-umat terdahulu daripada umat ini. Salah satu contoh yang paling jelas ialah taubat umat terdahulu memerlukan mereka membunuh diri mereka sendiri, sedangkan taubat umat ini cukup dengan meninggalkan dosa, berazam untuk tidak mengulanginya, dan menyesali perbuatan tersebut.

Kemudian, beliau menukilkan pendapat Ibn al-Munir yang menyatakan, dalam hadith ini terdapat salah satu tanda kenabian, kerana kita telah menyaksikan, begitu juga orang-orang sebelum kita, bahawa setiap orang yang melampaui batas dalam agama akhirnya akan terputus (keletihan atau tidak mampu). Maksudnya bukanlah untuk melarang usaha mencapai kesempurnaan dalam ibadah, kerana itu adalah perkara yang terpuji, tetapi melarang sikap melampaui batas yang membawa kepada kejemuan, atau keterlaluan dalam ibadah sunat sehingga meninggalkan amalan yang lebih utama (afdhal), atau menyebabkan kewajiban ditinggalkan pada waktunya. Contohnya ialah seseorang yang berjaga sepanjang malam untuk beribadah, memaksa dirinya melawan kantuk sehingga akhirnya tertidur di penghujung

## Riwayat al-Bukhari (39)

Begitulah juga dalil-dalil dan nas-nas lain yang menunjukkan betapa mudahnya syariat ini. Akan tetapi kaedah agung ini bukanlah bergantung kepada kehendak dan kecenderungan hawa nafsu manusia, sebaliknya ia bergantung kepada apa yang dibawa/dikehendaki oleh syarak. Tidak semua perkara yang dianggap mudah dan ringan oleh seseorang itu tergolong dalam syariat. Hal ini kerana orang yang lalai dan tidak mengambil berat tentang agama mereka sering kali menganggap perkara yang mudah sebagai sukar, lalu meninggalkannya untuk perkara yang disukai oleh hawa nafsu mereka atas alasan kaedah ini. Namun, pemahaman sebegitu adalah salah. Agama ini mudah dalam segala pensyariatannya, tetapi ia bukan mudah menurut kehendak hawa nafsu manusia. Kalaulah kebenaran mengikuti hawa nafsu mereka, pasti langit, bumi, dan segala yang ada di dalamnya akan rosak. (Lihat ***Majmu' Fatawa wa Rasa'il Syeikh Ibn al-'Uthaimin***, 12/216-218).

---

malam, lalu terlepas menidikan solat Subuh berjemaah, atau terlepas waktu mukhtar, atau bahkan hingga matahari terbit, sehingga terkeluar dari waktu solat fardhu (terlepas waktu solat). (Lihat ***Fath al-Bari***, 1/94)

## Keutamaan Antara Jamak Taqdim dan Jamak Ta'khir

Adapun mengenai waktu yang diutamakan untuk menjamak solat, para fuqaha berbeza pendapat:

- ❓ **Pertama:** Mazhab Maliki mengutamakan jamak taqdim berbanding jamak ta'khir, kerana jika uzur tersebut hilang dalam waktu solat kedua, maka wajib baginya mengulangi solat tersebut.

Imam Mayarah al-Maliki menyebut dalam kitab *al-Durr al-Thamin*: “Adapun jamak kerana sakit, Imam Malik berkata: ‘Jika seseorang yang sakit takut akan kehilangan akalnya, dia boleh menjamak antara Zohor dan Asar apabila matahari tergelincir (masuk waktu Zohor), bukan sebelum itu, dan antara Maghrib dan Isyak ketika masuk waktu Maghrib.” (Lihat *al-Durr al-Thamin*, hlm. 296)

- ❓ **Kedua:** Bagi mazhab Hanbali, mereka berpendapat bahawa yang terbaik dalam situasi jamak adalah melaksanakan yang paling memudahkan bagi mendirikan solat, sama ada dengan taqdim atau ta'khir, namun jika kedua-dua pilihan itu sama dari segi kemudahan, maka yang lebih baik adalah ta'khir, kecuali dalam keadaan jamak di Arafah yang terbaik adalah taqdim, dan di Muzdalifah yang terbaik adalah ta'khir.



Imam al-Buhuti al-Hanbali berkata dalam kitab *Daqa'iq Uli al-Nuha*: "Yang terbaik bagi mereka yang menjamakkan solat adalah melakukan apa yang lebih memudahkan dirinya, sama ada dengan mengakhirkkan Zohor ke waktu Asar, atau Maghrib ke Isyak, atau dengan mendahulukan Asar ke waktu Zohor, atau Isyak ke waktu Maghrib; berdasarkan hadith Mu'az yang telah disebutkan, kecuali dalam keadaan jamak di Arafah dan Muzdalifah, jika tiada perbezaan dalam kemudahan, maka yang terbaik di Arafah adalah taqdim, dan di Muzdalifah adalah ta'khir, berdasarkan amalan Rasulullah SAW di keduanya. Jika kedua-duanya sama dalam kemudahan (taqdim dan ta'khir), maka ta'khir adalah yang terbaik kerana ia lebih berhati-hati dan untuk menghindari khilaf, kecuali dalam jamak di Arafah yang tetap lebih baik untuk dilakukan dengan taqdim, mengikut amalan Rasulullah SAW." (Lihat *Daqa'iq Uli al-Nuha*, 1/299)

# PENUTUP

Oleh yang demikian, **berkenaan isu solat jamak tamam ketika kelas bertindih dengan waktu solat singkat ini**, kami andaikannya kepada beberapa situasi seperti berikut:

- Jika kelas berlangsung dalam tempoh waktu singkat dan masih dalam waktu solat pertama selepas kelas tamat, maka pelajar boleh menunaikan solat waktu pertama selepas kelas. Dalam keadaan ini, dia tidak perlu menjamakkan solat kerana waktu solat pertama masih lagi mencukupi untuknya mendirikan solat.
- Jika kelas berlanjutan sehingga waktu solat pertama hampir tamat, pelajar boleh sama ada berusaha menunaikan solat dalam waktu rehat atau meminta izin sebentar daripada pensyarah untuk menunaikan solat. Jika keizinan sukar untuk diperoleh atau tiada rehat, pelajar boleh menjamakkan solat waktu pertama dengan solat yang kedua pada waktu solat kedua.
- Perlu diingatkan, terdapat perbezaan antara musim panas dengan musim sejuk dari segi panjang siang

dan malamnya. Kebiasaannya, pada musim panas siang harinya lebih panjang daripada waktu malam. Jadi, ada kebarangkalian dia boleh menunaikan solat dalam waktunya. Begitulah juga pada musim sejuk di mana siang harinya lebih pendek daripada waktu malamnya, justeru berkemungkinan sukar untuknya menunaikan solat Zohor pada waktunya. Jadi, bolehlah dilewatkan atau ditangguhkan solat Zohor ke dalam waktu Asar.

- Kami juga berpendapat, jika sekiranya pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah, maka pelajar itu bolehlah berunding dengan pensyarah berkenaan untuk diberikan kelonggaran sekadar 10 minit bagi memberi laluan kepada pelajar Muslim untuk solat. Ini adalah yang terbaik.
- Jika suasana sudah berubah di mana dasar universiti tersebut yang membolehkan bagi pelajar Muslim untuk melaksanakan ibadat solat, maka ketika itu wajib solat dalam waktu mengikut waktu-waktu solatnya. Inilah yang sepatutnya dan asalnya.

Kami tegaskan di sini, asal solat ini berdasarkan dalam waktunya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya solat itu ialah suatu kewajipan yang ditentukan waktunya ke atas golongan yang beriman.*”

(Surah al-Nisa’: 103)

Ibn Mas’ud R.A dalam menafsirkan ayat ini menyebutkan bahawa setiap solat itu mempunyai waktu-waktunya yang tertentu yang wajib untuk dilaksanakan padanya sama seperti waktu-waktu yang ditentukan bagi pelaksanaan ibadah haji. (Lihat *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 4/258)

Kami berdoa kepada Allah, semoga anda dapat melaksanakan solat dalam waktunya serta dapat memeliharanya kerana ia tanda dan syarat kepada golongan yang mendapat *al-falah* dan berjaya sebagaimana dalam surah al-Mukminun:

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ

**Maksudnya:** “*Dan mereka yang tetap memelihara solatnya.*”

(Surah al-Mukminun: 9)

Antara maksud ‘يُحَافِظُونَ’ adalah memelihara solat dalam waktunya. Ibn Mas’ud, Masruq, ‘Ikrimah dan Sa’id bin Jubair menyebutkan, yakni, orang-orang yang memelihara

solatnya, dan menjaga waktu-waktu solat. (Lihat *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 4/714)

Kami akhiri dengan doa:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ  
رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

**Maksudnya:** “Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. “Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapakku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan.”

# BIBLIOGRAFI

'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim al-'Asimi al-Hanbali al-Najdi (1397H). *Hasyiah al-Raudh al-Murbi' Syarh Zad al-Mustaqni'* (Cet. 1). Riyadh: al-Matabi' al-Ahliyyah.

'Abd al-Rahman bin Nasir bin Abdullah al-Sa'di (2000). *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* (Cet. 1). Pentahqiq: 'Abd al-Rahman bin Mu'alla al-Luwaihiq. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Jurjani (1983). *Al-Ta'rifat* (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (2001). *Al-Sunan al-Kubra* (1st ed.). Editor: Hasan 'Abd al-Mun'im Syalbi & Syu'aib al-Arnaut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1422H). *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi & Syarh wa Ta'liq li Mustafa Dib al-Bugha* (Cet. 1). Pentahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir. Beirut: Dar Tuq al-Najah.

Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (1996). *Al-Jami' al-Kabir* (1st ed.). Editor: Basyar 'Awwadh Ma'ruf. Beirut: Dar

al-Gharb al-Islami.

Abu al-'Abbas Taqiyuddin Ahmad ibn 'Abd al-Halim ibn 'Abd al-Salam ibn Taimiyyah (2004). **Majmu' Fatawa** (t.c). Pentahqiq: 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim. Al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd.

Abu al-'Ala Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, (t.t). **Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmizi** (t.c). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu al-Baqā' Ayyub bin Musa al-Husaini al-Kafawi (1998). **Al-Kulliyat Mu'jam fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyah** (Cet. 2). Pentahqiq: 'Adnan Darwisy & Muhammad al-Misri. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu al-Fadhl Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-'Asqalani (1407H). **Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari** (Cet. 3). Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuha.

Abu al-Fadhl Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-'Asqalani (1379H). **Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari** (t.c). Pentahqiq: Muhibbuddin al-Khatib. Penta'liq: 'Abd al-'Aziz bin Abdullah bin Baz. Beirut: Dar al-Ma'arif.

Abu al-Farj Syamsuddin 'Abd al-Rahman bin Abu 'Umar Muhammad bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi (1983).

***Al-Syarh al-Kabir 'ala al-Muqni'*** (t.c). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Abu al-Fida' 'Imaduddin Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimasyqi (1998). ***Tafsir al-Qur'an al-'Azim*** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu al-Hasan Muslim bin al-Hajjaj (t.t). ***al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*** (t.c). Pentahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Abu Dawud Sulaiman bin Asy'ath al-Sijistani (275 H). ***Sunan Abi Daud*** (Cet. 1). Pentahqiq: Syu'aib al-Arnaut. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Abu Hafs Umar bin Ali bin Ahmad, Sirajuddin Ibn al-Mulaqqin (1417H). ***Al-I'lam bi Fawaid 'Umdah al-Ahkam*** (Cet. 1). Pentahqiq: 'Abd al-'Aziz bin Ahmad bin Muhammad al-Musyaiqih. Arab Saudi: Dar al-'Asimah.

Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (t.t). ***Al-Munqiz min al-Dhalal*** (t.c). Pentahqiq: Dr. 'Abd al-Halim Mahmud. Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithiyyah.

Abu Muhammad Muwaffaq al-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi (1997). ***al-Mughni*** (Cet. 3). Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.



Abu Zakariyya Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi (1347H). ***al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*** (t.c). Beirut: Dar al-Fikr.

Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (1392H). ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*** (Cet. 2). Beirut: Dar al-Ihya'.

Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (2005). ***Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*** (Cet. 1). Pentahqiq: 'Iwadh Qasim Ahmad 'Iwadh. Damsyik: Dar al-Fikr.

Ahmad bin Mustafa al-Maraghi (1365). ***Tafsir al-Maraghi*** (Cet. 1). Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.

Ahmad bin Mustafa al-Maraghi (2001). ***Tafsir al-Maraghi (Terjemahan)*** (t.c). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaff (2003). ***Al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*** (Cet. 1). Pentahqiq: Zain bin Ibrahim bin Zain Sumait. Riyadh: Dar al-Mirath al-Nabawiyah.

Malik bin Anas (2019). ***al-Muwatta' - Riwayat Yahya bin Yahya al-Laithi*** (Cet. 2). Pentahqiq: al-Majlis al-'Ilmi al-A'la Maghribi. Rabat: Dar Abi Raqraq.

Malik bin Anas bin Malik bin 'Amir al-Asbahi al-Madani (1994). ***Al-Mudawwanah*** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti (1993). ***Daqa'iq Uli al-Nuha li Syarh al-Muntaha*** (Cet. 1). Beirut: 'Alam al-Kutub.

Muhammad al-Zuhaili (1432). ***al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*** (Cet. 3). Damsyik. Dar al-Qalam.

Muhammad bin Ahmad Mayyarah al-Maliki (2008). ***Al-Durr al-Thamin wa al-Maurid al-Mu'in*** (t.c). Pentahqiq: Abdullah al-Minsyawi. Kaherah: Dar al-Hadith.

Muhammad bin Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti, Zaid bin Umar al-'Iis, et. al (1436). ***Mukhtasar fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*** (Cet. 3). Pentahqiq: Musa'id bin Sulaiman al-Tayyar. Riyadh: Markaz Tafsir li al-Dirasat al-Islamiyyah.

Muhammad bin Soleh bin Muhammad al-'Uthaimin (1413). ***Majmu' Fatawa wa Rasa'il Fadhilah al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin*** (Cetakan Terakhir). Penghimpun dan penyusun: Fahad bin Nasir bin Ibrahim al-Sulaiman. Riyadh: Dar al-Thurya.

Muhammad Mustafa al-Zuhaili (1427H). ***Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islami*** (Cet. 2). Damsyik: Dar al-Khair.

Muhammad 'Ali al-Sabuni (1997). *Safwah al-Tafasir* (Cet. 1). Kaherah: Dar al-Sabuni.

Mustafa al-Khin, et. al (1413). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i* (Cet. 4). Damsyik: Dar al-Qalam.

Wahbah al-Zuhaili (1416). *Al-Tafsir al-Wajiz 'ala Hamisy al-Qur'an al-'Azim wa ma'a Asbab al-Nuzul wa Qawa'id al-Tartil* (Cet. 2). Damsyik: Dar al-Fikr.

Wahbah bin Mustafa al-Zuhaili (t.t). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu al-Syamil li Adillah al-Syar'iyyah wa al-Ara' al-Mazhabiyyah wa Ahammu al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah wa Tahqiq al-Ahadith al-Nabawiyyah wa Takhrijuha* (Cet. 12). Damsyik: Dar al-Fikr.



[www.maktabahalbakri.com](http://www.maktabahalbakri.com)